



PEJABAT PENDAFTAR
REGISTRAR OFFICE

Rujukan Kami : UPM/PEND/500-3/4/7 (luaran)

Tarikh : 7 Februari 2019



SEPERTI DISENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Profesor/Tuan/Puan,

IKLAN PENGISIAN JAWATAN NAIB CANSOLOR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Saya dengan hormatnya merujuk kepada emel Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 17 Januari 2019 berkaitan Penambahbaikan Proses Pemilihan dan Pelantikan Naib Canselor Universiti Awam.

2. Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan ini ingin mempelawa semua pegawai akademik yang berminat dan berkelayakan untuk mengisi jawatan Naib Canselor Universiti Putra Malaysia.
3. Bersama-sama ini dilampirkan borang permohonan beserta kriteria pemilihan calon bagi mengisi jawatan tersebut. Untuk makluman, tarikh tutup permohonan adalah pada **15 Februari 2019**.
4. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, sila hubungi Seksyen Pengurusan Dasar dan Pentadbiran ditalian 03-9769 1514/1516 (Puan Jennifer Lendai Kundat/ Puan Nazriah Abd Rahman). Kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Profesor/Tuan/Puan untuk memanjangkan hebahan ini kepada pegawai akademik di Universiti masing-masing adalah amat dihargai.

Sekian untuk tindakan YBhg. Datuk/Dato'/Profesor/Tuan/Puan selanjutnya.

Terima kasih.

"BERILMU BERBAKTI"

Yang benar,

(DATO' WAN AZMAN BIN WAN OMAR D.S.I.S)

Pendaftar

Universiti Putra Malaysia

s.k YBhg. Profesor Datin Paduka Dato' Naib Canselor

SENARAI EDARAN

Dr. Susheela Nair T.R. Ramachandran
Pendaftar
Universiti Malaya (UM)
Lembah Pantai
50603 **KUALA LUMPUR**

Dr. Hj. Musa bin Ali
Pendaftar
Universiti Sains Malaysia (USM)
11800 **PULAU PINANG**

Encik Abd Razak bin Hussin
Pengarah Eksekutif Pentadbiran
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43650 Bangi **SELANGOR**

Encik Abdul Razib bin Hj. Shahuddin
Pendaftar
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
81310 UTM Johor Bahru **JOHOR**

Puan Azida binti Azmi
Pendaftar
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam **SELANGOR**

Dato' Abdul Rahim bin Ahmad
Pengarah Eksekutif
Bahagian Perkhidmatan dan Pengurusan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
P.O. Box 10
50728 **KUALA LUMPUR**

Encik Baharudin bin Yaacob
Pendaftar
Universiti Utara Malaysia (UUM)
06010 Sintok **KEDAH**

Encik Henry Tening Ak Sengeng
Pendaftar
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
94300 Kota Samarahan **SARAWAK**

Puan Vina Zahriani Yusof
Pendaftar
Universiti Malaysia Sabah (UMS)
88400 Kota Kinabalu **SABAH**

Dr. Hajah Zainab binti Othman
Pendaftar
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
Jalan Slim
35900 Tanjong Malim **PERAK**

Dato' Muhammad Haizuan bin Rozali
Pendaftar
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Bandar Baru Nilai
71800 Nilai **NEGERI SEMBILAN**

Profesor Ts. Dr. Nora' Aini binti Haji Ali
Pendaftar
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
21030 Kuala Terengganu **TERENGGANU**

Encik Abd Halim Abdul Rahman
Pendaftar
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
86400 Parit Raja, Batu Pahat **JOHOR**

Encik Masdzrif bin Mahat
Ketua Pegawai Operasi
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Hang Tuah Jaya
76100 Durian Tunggal **MELAKA**

Encik Abd Hamid bin Majid
Pendaftar
Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang (UMP)
26600 Pekan **PAHANG**

Pendaftar
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
Tingkat 3, Bangunan KWSP
Jalan Bukit Lagi
01000 Kangar **PERLIS**

Encik Ismail bin Ahmad
Pendaftar
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
Jalan Sultan Mahmud
21300 Kuala Terengganu **TERENGGANU**

Pendaftar
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
Kampus Bachok
Beg Berkunci No.01
16300 Bachok **KELANTAN**

Puan Hajah Sarina binti Abd Rani
Pendaftar
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
Kem Sungai Besi
57000 **KUALA LUMPUR**



**BORANG PERMOHONAN JAWATAN
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

GAMBAR
BERUKURAN
PASSPORT

1. NAMA PEGAWAI :
2. TARIKH LAHIR :
3. FAKULTI/JABATAN/UNIVERSITI :
4. PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN :
(TIGA TAHUN TERKINI BERTURUT-TURUT)
5. KELULUSAN AKADEMIK TERTINGGI :
6. BIDANG PENGKHUSUSAN :

Cara memohon

Sila kemukakan bersama-sama borang permohonan ini:

1. *curriculum vitae* yang terkini ; dan
2. Rancangan halatuju untuk Universiti Putra Malaysia.

Borang permohonan lengkap hendaklah dihantar dalam bentuk *hardcopy* dan *softcopy* ke alamat berikut :

ALAMAT PERMOHONAN : Ketua
Seksyen Pengurusan Dasar dan
Pentadbiran
Tingkat 4, Pejabat Pendaftar
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang **SELANGOR**

EMEL : jenn@upm.edu.my / nazriah@upm.edu.my

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : **15 FEBRUARI 2019**



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**IKLAN JAWATAN
NAIB CANSELOR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

MAKLUMAT JAWATAN

Jawatan : Naib Canselor
Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan Tertinggi
Gred Jawatan : Gred Turus III (VU4)
Gaji Hakiki (Anggaran) : Minimum - RM9,945.00
Maksimum - RM25,702.00

KRITERIA NAIB CANSELOR

1. Mempunyai Nilai Kepimpinan Akademik Yang Tinggi

Mempunyai kemahiran strategik yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus kearah budaya kecemerlangan akademik. Pengalaman dan rekod cemerlang kepimpinan akademik merupakan antara ciri-ciri utama dalam menentukan kemampuan calon.

2. Mempunyai Rekod Akademik, Perkhidmatan dan Kerjaya Yang Cemerlang

Mempunyai kelayakan Ph.D, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, menerbitkan jurnal berwasit antarabangsa, berinovasi dalam aspek pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

3. **Mempunyai Jaringan Hubungan Yang Luas Serta Diiktiraf Di Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa**

Mempunyai kewibawaan yang tinggi dan dihormati terutamanya dari segi reputasi dalam bidang akademik dan khidmat professional. Diiktiraf oleh *peers* antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka di peringkat serantau dan antarabangsa.

4. **Mempunyai Reputasi Yang Baik dan Dihormati Oleh Rakan Sejawat**

Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan rekod perkhidmatan dan kerjaya yang cemerlang serta disanjung baik dan dihormati oleh warga kampus dan masyarakat

5. **Berfikiran Jauh dan Kritis**

Berfikiran jauh dalam menentukan halatuju dan visi pembangunan dan kecemerlangan organisasi selain mempunyai kemampuan untuk menganalisa, mensintesis dan membuat penilaian secara holistik dalam penyelesaian sesuatu permasalahan.

6. **Mempunyai Personaliti yang Berkarisma**

Berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti di samping memahami aspirasi Negara untuk pembangunan bakat bermentaliti kelas pertama.

7. **Berintegriti**

Mempunyai tahap integriti yang tinggi, tidak pernah terlibat atau disabitkan dalam mana-mana kesalahan jenayah dan tata tertib serta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap jawatan dan peranan yang diamanahkan.

8. **Mempunyai Kapasiti Dalam Penjanaan Dana Universiti**

Mempunyai minda keusahawanan seperti cekap melihat ruang, berani mengambil risiko bagi meneroka peluang-peluang baharu serta berfikir kreatif dan inovatif dalam menggunakan segala sumber secara optimum untuk menjana pendapatan universiti.

9. **Mempunyai Ciri-Ciri Pemimpin Bertransformasi dan Menghayati Agenda Nasional**

Berkeupayaan menangani perubahan dan membawa organisasi ke arah kecemerlangan serta bersedia untuk melaksanakan transformasi demi melonjakkan reputasi organisasi. Mampu untuk menghayati dan menghargai kepelbagaian serta merealisasi dasar-dasar negara dan agenda nasional.

KRITERIA KHUSUS PEMILIHAN CALON

1. **Mempunyai Perancangan Yang Jelas Untuk Universiti Berdasarkan Bidang Kebitaraan**

Mempunyai halatuju yang jelas dalam memimpin organisasi berdasarkan kepada kategori universiti iaitu Universiti Penyelidikan dan berupaya memajukan universiti sebagai sebuah institusi kecemerlangan pertanian.

